



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**
www.ijlgc.com



**KEDUDUKAN DAN PERANAN PENASIHAT MAHKAMAH BAGI
KANAK-KANAK DALAM SISTEM KEADILAN JENAYAH
KANAK-KANAK DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN**

*THE POSITION AND THE ROLES OF THE ADVISOR OF THE COURT FOR
CHILDREN IN THE JUVENILE JUSTICE SYSTEM IN MALAYSIA: ISSUES AND
CHALLENGES*

Norazla Abdul Wahab^{1*}, Nur Zulfah Md Abdul Salam² & Hammad Mohamad Dahalan³

- ¹ Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Email: norazla@kuis.edu.my
- ² Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Email: nurzulfah@kuis.edu.my
- ³ Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Email: hammad@kuis.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.04.2021
Revised date: 15.05.2021
Accepted date: 31.05.2021
Published date: 15.06.2021

To cite this document:

Wahab, N. A., Salam, N. Z. M. A., & Dahalan, H. M. (2021). Kedudukan dan Peranan Penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak di Malaysia: Isu dan Cabaran. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (24), 84-103.

DOI: 10.35631/IJLGC.624006.

Abstrak:

Penubuhan Mahkamah bagi kanak-kanak (MBKK) dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan undang-undang terhadap kanak-kanak. Mahkamah ini dianggotai oleh seorang Majistret dan dibantu oleh dua orang penasihat yang salah seorang daripada mereka adalah seorang wanita seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen 11(2) Akta kanak-kanak 2001 (AKK 2001). Penasihat MBKK adalah berperanan untuk menasihati Majistret dalam memberikan perintah kepada kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang dan jika perlu menasihati ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut. Namun Sekyen 11 AKK 2001 ini merupakan peruntukan tunggal berkaitan penasihat MBKK di Malaysia. Selain peruntukan undang-undang yang terlalu umum, tidak ada garis panduan atau peraturan-peraturan yang menjelaskan mekanisme pelaksanaan tugas, pelantikan, kriteria lantikan dan keperluan latihan penasihat MBKK. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang berkaitan dengan kedudukan dan peranan penasihat MBKK. Analisis dibuat terhadap dokumen perundangan dan jurnal akademik. Temubual separa struktur turut dijalankan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK),

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan lima orang penasihat MBKK (mewakili kawasan bandar dan luar bandar) bagi mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi penasihat MBKK. Kajian mendapati kedudukan dan peranan penasihat MBKK adalah diiktiraf dan ia telah wujud sejak 1947 di dalam Akta Mahkamah Juvana 1947. Beberapa isu dan cabaran telah dikenalpasti antaranya berkaitan bidang kuasa, struktur governan, mekanisme pelaksanaan tugas, kriteria lantikan, pelantikan PMBKK, modul serta latihan bagi penasihat MBKK. Ketiadaan garis panduan, peraturan-peraturan khusus atau manual berkaitan mekanisme pelaksanaan tugas telah membataskan fungsi dan peranan PMBKK di dalam prosiding MBKK. Kajian ini adalah signifikan dalam mencadangkan kerangka penambahbaikan penasihat MBKK sekaligus menambah wibawa serta meningkatkan professionalism mereka selain dapat berperanan secara efektif di dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia.

Kata Kunci:

Kanak-kanak, Mahkamah bagi Kanak-kanak, Penasihat, Sistem Keadilan Jenayah, Sistem Keadilan Jenayah Kanak-kanak

Abstract:

The establishment of the Court for Children in the juvenile justice system is to provide legal protection for children. This court consists of a Magistrate and two advisors which one of them is a woman as provided in section 11 (2) of the Child Act 2001. Basically, the role of the advisor of the Court for Children is to advise the Magistrate relating to the orders (punishment) to be imposed on children who are in conflict with the law and to advise the parents or guardians whenever necessary. However, Section 11 of the Child Act 2001 is the only provision as regards the advisor of the Court for Children in Malaysia. There are no other guidelines or regulations on the mechanism of execution of duties of the advisor, its appointments, and training requirements. Thus, this study aims to identify the issues and challenges relating to the position and roles of the advisor. An analysis is made of legal documents and academic journals. Semi-structured interviews were also conducted with the Social Welfare Department (JKM), Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM), Legal Affairs Division (BHEUU), Prime Minister Department (JPM), and five Children Court advisors (who are representing the urban and rural areas). The study found that the Children Court advisor was recognized in 1947 via the Juvenile Court Act 1947. However, there are several issues and challenges to be addressed including the jurisdiction, governance structure, a mechanism of execution of duties, appointment criteria, the appointment process, modules, and training for Children Court advisors. The absence of guidelines, specific regulations, or manuals has limited the functions and roles of the Children Court advisor. This study suggests a better legal framework for the Children Court advisors to increase their credibility and professionalism. Thus, they can play an effective role in the juvenile justice system in Malaysia.

Keywords:

Advisor, Children, Court for Children, Criminal Justice System, Juvenile Justice System

Pendahuluan

Kewujudan sistem mahkamah berasingan untuk kanak-kanak bermula seawal penubuhan Mahkamah Juvana melalui Ordinan Mahkamah Juvana 1947. Ia merupakan salah satu

cadangan yang diusulkan oleh Jawatankuasa Berkaitan dengan Remaja Delinkuen dan Kebajikan Remaja yang dibentuk pada 5 Mei 1947 (Farah Nini, 2007). Jawatankuasa ini mencadangkan agar satu Mahkamah Juvana diwujudkan bagi membicarakan kes-kes jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak (Farah Nini, 2007). Bagi tujuan itu, satu undang-undang telah digubal pada tahun 1947 iaitu Ordinan Mahkamah Juvana 1947 dan ia telah disemak pada tahun 1972, diterima pakai pada 1 November 1972 dan dikenali sebagai Akta Mahkamah Juvana 1947 (Farah Nini, 2007). Mahkamah ini berperanan untuk membicarakan kes-kes jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak dan orang muda (Farah Nini, 2007). Menurut seksyen 2 Ordinan tersebut, orang muda ditakrifkan sebagai seseorang yang telah mencapai umur 14 tahun dan di bawah umur 18 tahun.

Pada tahun 2001, Akta Kanak-kanak telah memansuhkan Akta Mahkamah Juvana 1947 dan perkara berkaitan mahkamah juvana atau Mahkamah bagi Kanak-kanak telah diperuntukkan di dalam Bahagian III Akta Kanak-kanak 2001(Mohd Al-Adib & Noor Aziah, 2014) . Sistem keadilan jenayah kanak-kanak juga ditambah baik dengan penubuhan Mahkamah bagi kanak-kanak (MBKK) dengan memberi perlindungan undang-undang terhadap kanak-kanak sama ada mereka dihadapkan di Mahkamah sebagai pesalah atau mangsa kepada perlakuan jenayah orang lain (Farah Nini, 2007). Seksyen 2 Akta Kanak-kanak 2001 (AKK 2001) telah mentakrifkan kanak-kanak sebagai seseorang yang berumur bawah 18 tahun. Manakala Bahagian IV dan X AKK 2001 memperuntukkan berkaitan MBKK dan tatacara jenayah di MBKK yang melibatkan proses pertuduhan, jaminan, perbicaraan dan perintah kepada pesalah kanak-kanak.

Penubuhan mahkamah ini amat signifikan dalam melindungi kanak-kanak daripada didiskriminasi (Yusramizza & Anis Shuhaiza, 2007) atau menjadi mangsa dalam sistem keadilan jenayah sedia ada. Wafa (2018) menegaskan kanak-kanak seharusnya berhak untuk dilindungi dan dilayan dengan adil walaupun pada ketika mereka didapati telah melakukan kesalahan jenayah. Ini bertepatan dengan Artikel 40 dan 37 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (KHKK) mengenai pentadbiran keadilan juvana serta perihal berkaitan penyeksaan dan pelucuthakkan kebebasan pesalah kanak-kanak.

Secara asasnya, mahkamah ini mempunyai bidangkuasa sivil dan jenayah seperti yang diperuntukkan di dalam AKK 2001 (Farah Nini, 2007). Sekyen 11(5) AKK 2001 memperuntukkan bidang kuasa jenayah MBKK ialah mengadili semua kes jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak selain daripada kes yang membawa kepada hukuman mati (Aminuddin, 2016; Farah Nini, 2007) seperti membunuh , mengedar dadah, memiliki senjata api dan sebagainya (Sarirah, 2011). Selain itu, MBKK turut mempunyai bidang kuasa untuk mendengar semua permohonan berkaitan perlindungan dan pemulihan kanak-kanak (Farah Nini, 2007).

Mahkamah ini dianggotai oleh seorang Majistret dan dibantu oleh dua orang penasihat yang salah seorang daripada mereka adalah seorang wanita. Ini diperuntukkan di dalam seksyen 11(2) AKK 2001. Secara asasnya, penasihat MBKK adalah berperanan untuk menasihati Majistret dalam memberikan perintah kepada kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang dan jika perlu menasihati ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut. Peranan penasihat MBKK ini telah ditambahbaik fungsinya berbanding terdahulu yang diperuntukkan di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 (Farah Nini, 2007).

Seksyen 11(3) AKK 2001 juga menjelaskan bahawa Penasihat MBKK merupakan lantikan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ini menggambarkan kepentingan kedudukan dan fungsi Penasihat Mahkamah MBKK itu sendiri selain tanggungjawab Mahkamah atau Majistret sebagai *parens patriae* dalam memberi jaminan keselamatan serta perlindungan yang sewajarnya terhadap kanak-kanak seperti mana mereka berada di bawah jagaan ibu bapa mereka setelah mereka dipindahkan daripada kawalan ibu bapa mereka (Wafa, 2018).

Namun Sekyen 11 AKK 2001 ini merupakan peruntukan tunggal berkaitan penasihat mahkamah di Malaysia. Selain peruntukan yang terlalu umum, tidak ada garis panduan atau peraturan-peraturan yang menjelaskan mekanisme pelaksanaan tugas, pelantikan dan keperluan latihan Penasihat MBKK sebagaimana yang diperuntukkan untuk pegawai pelindung, pegawai akhlak atau pembantu pegawai pelindung. Pelantikan, fungsi, mekanisme pelaksanaan tugas dan latihan pegawai pelindung, pegawai akhlak dan pembantu pelindung umpamanya dijelaskan agak terperinci di dalam Bahagian III, AKK 2001, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pasukan Pelindungan Kanak-kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak) 2017 dan Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang yang Layak dan Sesuai) 2009.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang berkaitan dengan kedudukan dan peranan penasihat MBKK yang merangkumi bidang kuasa, struktur governan, mekanisme pelaksanaan tugas, kriteria lantikan, pelantikan, modul serta latihan bagi penasihat MBKK. Ini bagi menambahbaik kerangka perundangan sedia ada berkaitan Penasihat MBKK yang merupakan salah satu pihak yang terlibat dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan serta temubual. Bagi menjalankan kajian ini, analisis akan dibuat terhadap jurnal akademik dan beberapa dokumen perundangan seperti Akta Kanak-kanak 2001, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pasukan Pelindungan Kanak-kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak) 2017, Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang yang Layak dan Sesuai) 2009, Akta Mahkamah Keadilan 1964, Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Arahan Amalan Hakim Besar Malaya. Temubual separa struktur turut dijalankan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan lima orang penasihat MBKK (mewakili kawasan bandar dan kawasan luar bandar). Ini bagi mendapatkan maklumat berkaitan yang kebanyakannya tidak dapat diperolehi dari sumber sekunder tersebut. Pendekatan analisis kandungan telah digunakan untuk menganalisis data temubual bagi mengenalpasti tema-tema tertentu dalam kajian ini.

Soroton Literatur

Tidak banyak literatur yang ditulis secara spesifik mengenai penasihat MBKK berbanding pegawai pembangunan masyarakat atau pekerja sosial yang bekerja dengan kanak-kanak di bawah JKM seperti pegawai akhlak dan pegawai pelindung kanak-kanak. Kajian Mimi Kamariah (2002) dan Farah Nini (2007) umpamanya menjelaskan sejarah dan perkembangan penasihat MBKK seawal penubuhan Mahkamah Juvana pada tahun 1947 sehingga pembentukan MBKK pada tahun 2001 selain membincangkan kedudukan serta peranan penasihat MBKK seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Mahkamah Juvana 1947 dan AKK

2001. Nur Ezaitie Nabihah & Jal Zabidi (2020) menegaskan kepentingan penasihat MBKK dan kehadiran kedua-dua penasihat adalah amat penting sepanjang prosiding kes agar mereka dapat memberikan nasihat yang bersesuaian berkaitan perintah yang akan diberikan kepada kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang.

Sementara itu, Anuradha Saibaba (2012) membuat perbandingan berkaitan praktis penasihat MBKK di Singapura dan India dalam kajian beliau. Negara Singapura telah melantik penasihat untuk memberi nasihat kepada Majistret dalam sistem keadilan jenayah belia sebagaimana dipraktikkan di Malaysia (Anuradha Saibaba, 2012). Namun, skop peranannya lebih kecil kerana seksyen 32 *Children and Young Persons Act* 2001 memberikan bidang kuasa yang lebih luas kepada Majistret berbanding panel penasihat apabila Majistret diberi kelonggaran dalam menentukan kes secara individu atau hanya dengan satu penasihat bagi tujuan mempercepatkan kes (Anuradha Saibaba, 2012). Di Singapura, penasihat mahkamah hanya mengambil bahagian di peringkat akhir prosiding kes dan penyiasatan hanya terbatas pada latar belakang anak-anak, catatan sekolah dan perkara-perkara lain yang berkaitan (Anuradha Saibaba, 2012).

Situasi ini berbeza dengan Malaysia di mana kedua-dua penasihat mahkamah kanak-kanak mesti menghadiri keseluruhan prosiding kes seperti yang diperuntukan dalam seksyen 11 (2) Akta Kanak-kanak 2001. Manakala di Mahkamah Belia India, penasihat MBKK disifatkan sebagai dua pekerja sosial yang salah satunya mestilah seorang wanita mengikut peruntukan di dalam *Juvenile Justice (Care and Protection of Children) Act 2000*. Ini seperti bersamaan dengan peruntukan berkaitan penasihat di MBKK Malaysia terutamanya apabila diwajibkan untuk terlibat di dalam prosiding kes dari peringkat siasatan hingga keputusan Mahkamah (Anuradha Saibaba, 2012). Namun, pekerja sosial di India berperanan lebih aktif berbanding penasihat MBKK Malaysia dan Singapura. Selain itu, perkhidmatan Penasihat Mahkamah di India tertakluk kepada dua tahun lantikan dan perlu mempunyai kelayakan tertentu iaitu kemahiran berkaitan kebajikan dan psikologi kanak-kanak (Anuradha Saibaba, 2012).

Kedudukan Penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak Di Malaysia

Kedudukan dan peranan penasihat MBKK adalah signifikan di dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia. Ia diperuntukkan sejak 74 tahun yang lalu di dalam Ordinan Mahkamah Juvana 1947 dalam kerangka perundangan berkaitan penasihat MBKK di Malaysia. Kajian mendapati kedudukan dan peranan Penasihat MBKK adalah diiktiraf di MBKK sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 11 AKK 2001. Malah Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 1 Tahun 2015 berkaitan Arahan Pentadbiran Berkenaan Pengendalian Kes-kes Jenayah Jalanan Secara 'Fast-Track' di Mahkamah Rendah Malaya turut mengiktiraf peranan Penasihat Mahkamah MBKK. Arahan Amalan tersebut menyarankan agar di dalam kes yang melibatkan pesalah kanak-kanak, pihak Mahkamah perlu berhubung dengan penasihat—penasihat Mahkamah Kanak-kanak dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memastikan laporan akhlak dapat disediakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, penasihat MBKK dibataskan penglibatannya dalam kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi atau di dalam kes yang memerlukan perbicaraan penuh iaitu apabila pesalah kanak-kanak mengaku tidak bersalah. Ia dijelaskan di dalam seksyen 117 AKK 2001 yang memberikan kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk menjalankan fungsinya menurut Kanun Acara Jenayah dan tiada keperluan bagi Hakim di Mahkamah Tinggi untuk dibantu oleh Penasihat Mahkamah ketika mengendalikan perbicaraan pesalah kanak-kanak di Mahkamah Tinggi (Sarirah, 2011) seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 18 (1) Akta Mahkamah Keadilan 1964. Walaupun seksyen 117 AKK 2001 memberikan kuasa kepada

Mahkamah Tinggi untuk menjalankan fungsinya menurut Kanun Acara Jenayah (Sarirah, 2011) tetapi sebaiknya peruntukan di bawah AKK 2001 perlu dipertimbangkan dalam kes yang melibatkan pesalah kanak-kanak. Namun mungkin di atas faktor kematangan dan pengalaman seorang hakim di Mahkamah Tinggi, kebergantungan terhadap nasihat Penasihat Mahkamah adalah tidak diperlukan.

Profesionalism Penasihat Mahkamah juga pernah dipertikaikan apabila UNICEF dalam laporan “The Malaysian Juvenile Justice System A Study Of Mechanisms For Handling Children In Conflict With The Law” pada tahun 2013 yang mengusulkan supaya menghapuskan peranan Penasihat Mahkamah. Namun, lantikan Penasihat Mahkamah dalam memberi nasihat kepada hakim bukanlah sesuatu yang ganjil dan telah diamalkan di beberapa buah negara di dunia. Negara Singapura mempunyai peruntukan undang-undang seumpama Malaysia iaitu di dalam seksyen 32(3) *Children & Young Persons Act 2001* apabila hakim Mahkamah Belia akan membuat perintah kepada pesalah kanak-kanak setelah berbincang bersama dua Panel Penasihat yang dilantik oleh Presiden Singapura (Anuradha Saibaba, 2012). Malah praktis yang diamalkan oleh penasihat Mahkamah di Singapura dan Malaysia juga hampir sama apabila penasihat tidak memainkan peranan dengan aktif dan hanya terlibat pada peringkat akhir iaitu ketika perintah dikeluarkan oleh Majistret (Anuradha Saibaba, 2012).

Kerangka Perundangan Penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak di Malaysia

Seksyen 11 AKK 2001 merupakan peruntukan tunggal berkaitan penasihat MBKK yang hanya menerangkan tentang fungsi, badan yang membuat lantikan, pelantikan wanita sebagai penasihat MBKK dan kedudukannya dalam komposisi MBKK seperti berikut:

- (2) *Mahkamah Bagi Kanak-kanak hendaklah terdiri daripada seorang Majistret yang, pada menjalankan fungsi-fungsinya sebagai suatu Mahkamah Bagi Kanak-kanak kecuali apabila membuat sesuatu perintah di bawah subseksyen 39(4), 42(4), 84(3) atau 86(1), mengikut kehendak keadaan, hendaklah dibantu oleh dua orang penasihat yang hendaklah dilantik oleh Menteri daripada suatu panel orang yang bermastautin di Negeri itu.*
- (3) *Seorang daripada dua orang penasihat yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah seorang wanita.*
- (4) *Fungsi-fungsi penasihat ialah— (a) untuk memaklumkan dan menasihati Mahkamah Bagi Kanak-kanak mengenai apa-apa pertimbangan yang menyentuh perintah yang dibuat berdasarkan suatu dapatan bersalah atau pelakuan lain yang berkaitan terhadap mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapan Mahkamah itu; dan (b) jika perlu, untuk menasihati ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu.*
- (5) *Mahkamah Bagi Kanak-kanak hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan semua kesalahan kecuali kesalahankesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati.*

Manakala Jadual 1 di bawah merupakan rumusan cadangan kerangka perundangan bagi penasihat MBKK yang meliputi bidang kuasa, punca kuasa, struktur governan, limitasi kuasa, status nasihat, bentuk nasihat, mekanisme pelaksanaan tugas, kriteria lantikan, pelantikan, status perjawatan, modul dan latihan. Kerangka ini adalah berdasarkan data yang diperolehi hasil dari temubual dengan informan selain melihat kepada model kerangka perundangan dari Bahagian III, AKK 2001, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pasukan Pelindungan Kanak-kanak dan Pasukan Kebajikan

Kanak-kanak) 2017 dan Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang yang Layak dan Sesuai) 2009.

Elemen	Penerangan	Undang-Undang
Bidang Kuasa dan Peranan	Menasihati Majistret dan ibu bapa/penjaga	Seksyen 11(4) AKK 2001
Punca Kuasa dan Struktur Governan	Tidak dijelaskan Kementerian yang bertanggungjawab. Pemantauan diletakkan terhadap MBKK (tempat di mana penasihat bertugas)	Seksyen 11(2) AKK 2001
Limitasi Kuasa	Tidak terlibat dalam kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Tidak terpakai untuk kes bicara penuh (pengakuan tidak bersalah).	Seksyen 117 AKK 2001 Seksyen 18 (1) Akta Mahkamah Keadilan 1964
Status Nasihat	Tidak Mengikat Majistret	Seksyen 90(18) AKK 2001
Bentuk Nasihat	Budi bicara penasihat Mahkamah	Tiada Garis Panduan
Mekanisme Pelaksanaan Tugas	Tiada manual/ Garis Panduan	Bergantung kepada Peraturan/Prosedur Prosiding Mahkamah dan Akta Kanak-kanak 2001
Kriteria Lantikan	Tidak terperinci : Salah seorang mestilah seorang wanita; Mestilah orang yang bermastautin di Negeri di mana MBKK berada; pesara kerjajaan/swasta; berumur tidak kurang dari 40 tahun dan tidak melebihi 75 tahun; Kelulusan akademik sekurang kurangnya SPM/MCE/SPMV; Fasih dan boleh menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris; Mempunyai kesihatan yang baik, tidak muflis; berpengetahuan dalam aspek perkembangan dan kebajikan kanak-kanak; Sanggup berkhidmat di Mahkamah Bagi Kanak-kanak pada bila-bila masa diperlukan bagi tempoh dua tahun; Seorang yang	Seksyen 11 (3) AKK 2001 Seksyen 11(2) AKK 2001 Dimuatkan dalam laman web rasmi JKM (https://online.jkm.gov.my/keahlian-penasihat-mahkamah)

	berdisiplin dan berkomitmen tinggi.	
Pelantikan	Lantikan oleh Menteri di JPM. Pemilihan dan saringan dibuat oleh JKM Daerah, Negeri dan Pusat.	Seksyen 11 (2) AKK 2001 Borang permohonan calon Penasihat MBKK oleh JKM.
Status Perjawatan	Sukarela. Tiada skim perjawatan. Elaun dibayar oleh MBKK- RM 150 sehari.	Surat Lantikan oleh BHEUU, JPM.
Modul	Sistem Undang-undang di Malaysia, Tatacara Mahkamah bagi Kanak-Kanak, Akta Kanak-kanak 2001, Perintah-Perintah di Bawah Akta 611, Etika Mahkamah, laporan-laporan yang digunakan semasa perbicaraan di MBKK, Pengenalan kepada Institusi JKM dan perbicaraan olok-olok (Mock Trial)	Modul Latihan JKM dan FUU, UM (2013)
Latihan	Ceramah, Perbincangan Kumpulan, Perbicaraan Olok-olok	Modul Latihan JKM dan FUU, UM (2013)

Jadual 1: Kerangka Perundangan Bagi Penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak

Bidang Kuasa dan Peranan

Seksyen 11(2) dan (3) AKK 2001 menetapkan komposisi MBKK terdiri daripada seorang Majistret dan hendaklah dibantu dengan dua orang Penasihat yang dilantik oleh Menteri dan salah satunya hendaklah seorang perempuan. Peruntukan seksyen 11 (2) dan 11 (3) AKK 2001 tersebut adalah sama seperti yang terkandung di dalam seksyen 4(3) Ordinan Mahkamah Juvana 1947 atau Akta Mahkamah Juvana 1947. Bezanya pada ketika itu, dua orang penasihat tersebut adalah dipilih dari satu panel orang yang bermastautin di Wilayah Persekutuan atau negeri berkaitan dan dilantik oleh Menteri atau Pihak Berkuasa Negeri itu (Farah Nini, 2007).

Manakala Seksyen 11(4) AKK 2001 menerangkan fungsi Penasihat MBKK untuk menasihati mahkamah atau Majistret dalam memberikan perintah kepada pesalah kanak-kanak dan jika perlu menasihati ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut. Peruntukan ini telah menambahbaik fungsi Penasihat MBKK berbanding di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 (Farah Nini, 2007).

Penasihat MBKK boleh memberi syor atau pandangan kepada Majistret supaya hukuman terhadap kanak-kanak dikurangkan atau ditambah. Pandangan dan syor yang dibuat hendaklah semata-mata untuk kepentingan kanak-kanak tersebut (Informan 1, Informan 4, Informan 5, Informan 7, Informan 8). Malah penasihat MBKK boleh bertindak sebagai pihak yang berperanan untuk memastikan proses mitigasi di mahkamah berjalan lancar apabila seorang kanak-kanak telah mengaku bersalah (Informan 3).

Ini menunjukkan Penasihat MBKK boleh menyeimbangkan perintah yang diberikan oleh Majistret terhadap kanak-kanak sekaligus menolak tanggapan bahawa mahkamah mempunyai kecenderungan untuk memberikan hukuman berat kepada kanak-kanak seperti yang dinyatakan di dalam kajian Anita (2008), Mohd Al-Adib & Noor Aziah (2009) dan Mohd Al-Adib & Noor Aziah (2014).

Status dan Bentuk Nasihat

Penasihat MBKK berperanan untuk menasihati mahkamah atau Majistret MBKK. Majistret juga perlu untuk mendapatkan dan merekod pendapat setiap penasihat sebelum sesuatu keputusan tentang perintah diberikan kepada pesalah kanak-kanak (Informan 3). Namun nasihat tersebut tidak mengikat Majistret MBKK (Mimi Kamariah, 2002; Farah Nini, 2007; Muhammad Ramzee). Walau bagaimanapun, Majistret perlu untuk merekodkan sebab-sebab beliau tidak bersetuju untuk menerima nasihat atau pendapat penasihat MBKK tersebut seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 90 (18) AKK 2001 (Mimi Kamariah, 2002; Farah Nini, 2007).

Pandangan dan nasihat yang diberikan oleh penasihat MBKK adalah bergantung kepada kes kanak-kanak sama ada kanak-kanak tersebut merupakan mangsa atau yang melakukan sesuatu kesalahan (Informan 3, 2020). Nasihat ini boleh terus diberikan kepada kanak-kanak atau ibu bapa serta penjaga di dalam MBKK (Informan 3, Informan 1 dan Informan 5). Peluang untuk berinteraksi dengan kanak-kanak, penjaga atau ibu bapa ketika dalam prosiding kes boleh membantu penasihat MBKK dalam mencadangkan syor yang baik terhadap kanak-kanak setelah mengambil kira latar belakang kanak-kanak dan keluarga tersebut.

Antara nasihat yang lazim diberikan oleh penasihat MBKK adalah berkaitan peranan ibu bapa dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan dalam pendidikan anak-anak, perancangan masa depan kanak-kanak sama ada dari segi akademik atau latihan kerjaya, menasihati aspek keagamaan dan kerohanian seperti bersolat, berpuasa, meninggalkan yang tidak baik dan lain-lain, memberikan kesedaran mengenai kesan dan akibat sesuatu perbuatan yang dilakukan yang boleh memudaratkan diri sendiri, keluarga dan masyarakat, menasihati berkaitan risiko terhadap keselamatan dan masa hadapan kanak-kanak, menerangkan bentuk sumbangan ibu bapa atau penjaga kepada kesejahteraan kanak-kanak, memberikan contoh-contoh positif mengenai ciri-ciri ibu bapa atau penjaga yang sesuai serta teguran berhemah untuk menjadi ibu bapa atau penjaga yang lebih baik serta meningkatkan pengetahuan ibu bapa atau penjaga terhadap perkembangan kanak-kanak (Informan 1, Informan 4, Informan 5, Informan 7, Informan 8 dan Informan 3).

Nasihat-nasihat ini adalah nasihat yang penting dan perlu untuk diberi perhatian serta diambil tindakan sewajarnya oleh pihak bertanggungjawab seperti mahkamah atau pegawai JKM agar ia benar-benar diikuti oleh kanak-kanak, ibu bapa dan penjaga. Ini kerana, peranan penasihat MBKK adalah terhad dalam lingkungan mahkamah dan tidak melakukan sebarang tindakan susulan selepas itu. Sebagai contoh, nasihat berkaitan kemahiran keibubapaan yang diberikan oleh penasihat MBKK kepada ibubapa atau penjaga. Mungkin boleh dikeluarkan satu arahan kepada ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut untuk menghadiri seminar atau bengkel keibubapaan yang boleh menambahbaik kemahiran keibubapaan mereka.

Punca Kuasa, Struktur Governan dan Pemantauan

Seksyen 11(2) AKK 2001 memperuntukkan bahawa penasihat MBKK adalah dilantik oleh Menteri. Namun tidak dinyatakan dengan jelas di dalam Akta, kementerian yang

bertanggungjawab dan mempunyai kuasa terhadap penasihat MBKK sekaligus melakukan pemantauan terhadap penasihat MBKK. Secara praktisnya, pemantauan terhadap penasihat MBKK diletakkan terhadap MBKK, tempat di mana penasihat bertugas dan bukan di bawah JKM atau BHEUU, JPM.

Kekaburan punca kuasa di antara pihak yang membuat pemilihan, menyediakan modul serta latihan bagi penasihat MBKK iaitu JKM dengan pihak BHEUU, JPM yang membuat lantikan penasihat MBKK akan menimbulkan beberapa isu seperti pemantauan terhadap penasihat MBKK serta peruntukan atau bajet latihan bagi penasihat MBKK. Dalam perkembangan terkini, BHEUU, JPM sedang menyemak peruntukan seksyen 11 (2) AKK 2001 berkaitan Menteri atau kementerian yang bertanggungjawab terhadap penasihat MBKK sama ada KPWKM atau JPM (Informan 6).

Mekanisme Pelaksanaan Tugas Penasihat MBKK

Tidak ada garis panduan, peraturan-peraturan khusus atau manual berkaitan mekanisme pelaksanaan tugas disediakan bagi membantu Penasihat MBKK menjalankan fungsinya dalam menasihati Majistret di MBKK (Informan 1, Informan 4, Informan 5, Informan 7, Informan 8 dan Informan 3). Namun secara praktisnya, penasihat MBKK akan dipanggil oleh MBKK apabila terdapat kes perbicaraan kanak-kanak (Informan 1, Informan 4, Informan 5, Informan 7 & Informan 8). Kekerapan persidangan adalah bergantung kepada pihak mahkamah dan berbeza-beza mengikut negeri dan daerah (Informan 3). Lazimnya bagi sesebuah daerah besar, persidangan kes lebih kerap dijalankan. Penasihat MBKK akan berada di mahkamah sepanjang prosiding kes berjalan sehingga perintah dijatuhkan kepada kanak-kanak dan akan mengemukakan pandangan serta nasihat apabila diminta oleh Majistret (Informan 1, Informan 4, Informan 5, Informan 7, Informan 8 dan Informan 3).

Penasihat MBKK perlu memaklumkan dan menasihati Majistret MBKK tentang apa-apa pertimbangan yang berupa perintah yang dibuat berdasarkan dapatan bersalah atau pengakuan lain yang berkaitan terhadap mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapan Mahkamah. Sekiranya perlu, penasihat MBKK boleh menasihati ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut. Manakala Majistret selepas mendengar nasihat yang dikemukakan oleh penasihat MBKK akan membuat pertimbangan untuk memberikan perintah yang bersesuaian (Informan 1, Informan 4, Informan 5, Informan 7, Informan 8 dan Informan 3).

Idealnya, penasihat MBKK akan dibekalkan dengan laporan akhlak yang disediakan oleh pegawai akhlak beberapa hari lebih awal sebelum perbicaraan kes kanak-kanak (Informan 3). Seksyen 90 (13) AKK 2001 menerangkan bahawa laporan ini perlu mengandungi maklumat mengenai kelakuan kanak-kanak, latar belakang kanak-kanak, rekod sekolah dan perubatan untuk dipertimbangkan oleh penasihat MBKK ketika memberikan nasihat atau pendapat kepada Majistret MBKK. Ini membolehkan Penasihat Mahkamah terlibat secara aktif dengan menyemak laporan yang disediakan oleh pegawai pelindung atau pegawai akhlak seterusnya menasihati Majistret hasil dari laporan tersebut (Anuradha Saibaba, 2012). Namun dalam banyak keadaan, laporan tersebut tidak dapat disediakan awal dan penasihat MBKK hanya memperolehnya ketika hari prosiding (Informan 1, Informan 7 & Informan 8).

Selain itu, penasihat MBKK adalah terikat dengan prosedur dan peraturan-peraturan mahkamah, AKK 2001 dan perundangan berkaitan semasa prosiding kes berjalan dan dalam memberikan pandangan serta nasihat kepada Majistret ketika membuat sesuatu keputusan berkaitan kes kanak-kanak (Informan 3). Mekanisme pelaksanaan tugas penasihat mahkamah

perlu dijelaskan dengan lebih terperinci kepada penasihat MBKK kerana mereka terlibat di dalam prosiding dan sistem di mahkamah. Penasihat MBKK yang bertugas di daerah besar mempunyai kelebihan untuk mempelajari proses ini dengan cepat kerana prosiding kes kerap dijalankan. Selebihnya adalah bergantung kepada inisiatif penasihat MBKK sendiri serta hubungan baik dengan pihak-pihak lain yang terlibat seperti Majistret, pegawai akhlak, pegawai pelindung dan sebagainya.

Kriteria Lantikan dan Pelantikan

Beberapa syarat telah digariskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berhubung lantikan sebagai penasihat MBKK seperti yang tertera di dalam laman web rasmi JKM (<https://online.jkm.gov.my/keahlian-penasihat-mahkamah> iaitu:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 40 tahun dan tidak melebihi 75 tahun;
- iii) Kelulusan akademik sekurang-kurangnya SPM/MCE/SPMV;
- iv) Fasih dan boleh menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris;
- v) Mempunyai kesihatan yang baik dan tidak menjejaskan tanggungjawab sebagai penasihat mahkamah;
- vi) Tidak muflis;
- vii) Pesara kerajaan/swasta yang aktif dan berpengetahuan dalam aspek perkembangan dan kebajikan kanak-kanak;
- viii) Pemohon adalah pemastautin di daerah/jajahan di mana lokasi MBKK terletak;
- ix) Pesara kerajaan/swasta sahaja dibenarkan memohon;
- x) Sanggup berkhidmat di Mahkamah Bagi Kanak-kanak pada bila-bila masa diperlukan bagi tempoh dua tahun;
- xi) Seorang yang berdisiplin dan berkomitmen tinggi.

Walaupun hanya syarat minimum yang diletakkan untuk menjadi penasihat MBKK, namun penasihat MBKK mestilah seseorang yang mempunyai kredibiliti dan bertauliah untuk menasihati mahkamah (Farah Nini, 2007). Sewajarnya diletakkan satu kriteria khas bagi Penasihat Mahkamah MBKK agar sesuai dengan fungsinya untuk menasihati MBKK. Kewibawaan Penasihat Mahkamah MBKK perlu diberi perhatian supaya mereka mampu berperanan dalam membantu Majistret MBKK dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia.

Antara kriteria penting yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan Penasihat MBKK ialah mempunyai latar belakang berkaitan kerja yang melibatkan kanak-kanak (Farah Nini, 2007). Pekerja sosial badan bukan kerajaan, ahli-ahli masyarakat (Farah Nini, 2007) dan aktivis sosial kanak-kanak dalam kalangan persatuan NGO juga boleh dipertimbangkan untuk dilantik sebagai penasihat MBKK. Mempunyai pengetahuan asas dalam undang-undang serta kemahiran dalam psikologi kanak-kanak (Farah Nini, 2002; Informan 5) juga merupakan satu kelebihan bagi penasihat MBKK dalam menangani isu kanak-kanak yang semakin mencabar. Penasihat Mahkamah di India umpamanya meletakkan syarat bahawa penasihat MBKK perlu mempunyai latar belakang dalam bidang Psikologi (Anuradha Saibaba, 2012).

Manakala dari segi pelantikan penasihat MBKK, ia adalah di bawah bidang kuasa Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan diluluskan oleh BHEUU (Informan 3 dan Informan 6). Namun pemilihan dan saringan akan dilakukan oleh JKM (Informan 3). Permohonan sebagai Penasihat MBKK adalah melalui mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dengan mengisi borang permohonan calon Penasihat MBKK yang disediakan oleh JKM. Pemohon

kemudian perlu menghantar borang permohonan tersebut ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Permohonan tersebut mestilah disokong oleh Majistret dan pegawai JKM di daerah tersebut. Borang permohonan yang telah dilengkapkan beserta dokumen sokongan seterusnya akan dihantar oleh JKM daerah kepada JKM Negeri seterusnya JKM Negeri akan memanjangkannya ke ibu pejabat JKM Putrajaya di Bahagian Penguatkuasaan (Informan 3).

Seterusnya, Bahagian Penguatkuasaan akan membuat semakan status kebangkrapan calon dengan Jabatan Insolvensi Negara (Informan 3 dan Informan 6). Setelah calon disahkan berstatus tidak bankrap, borang permohonan tersebut akan dikemukakan kepada BHEUU, JPM. Seterusnya, BHEUU akan mengemukakan senarai nama pemohon yang dicadangkan sebagai penasihat MBKK kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk diluluskan. Kemudian, senarai calon yang telah diluluskan beserta surat lantikan yang telah ditandatangani oleh YB Menteri akan dikembalikan kepada JKM untuk diserahkan kepada calon Penasihat MBKK yang berjaya (Informan 3).

Tempoh lantikan bagi seseorang penasihat MBKK yang dilantik adalah selama dua tahun dan ia boleh diperbaharui (Informan 3). Namun sekiranya Penasihat MBKK yang telah dilantik tidak dapat memberi komitmen untuk hadir pada perbicaraan kes di MBKK umpamanya, mereka tidak lagi dicalonkan sebagai penasihat MBKK pada masa akan datang (Informan 3). Selain itu, lantikan sebagai penasihat MBKK adalah bersifat sukarela (Informan 1, Informan 3, Informan 4, Informan 5, Informan 7 dan Informan 8). Mereka akan mengatur masa mereka berpandukan jadual perbicaraan kes yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah dan secara bergilir dengan penasihat-penasihat MBKK yang lain (Informan 1, Informan 3, Informan 4, Informan 5, Informan 7 dan Informan 8). Penasihat MBKK ini akan dibayar elaun sebanyak RM150 bagi setiap hari bersidang (Informan 1, Informan 4, Informan 5, Informan 7 dan Informan 8).

Walaupun tiada perjawatan khas bagi seorang penasihat MBKK dan ia adalah bersifat sukarela namun komitmen untuk menghadiri prosiding kes di mahkamah adalah penting dan menjadi kayu ukur pelantikan semula penasihat MBKK. Sesuatu prosiding kes tidak dapat dijalankan tanpa kehadiran penasihat MBKK terutamanya penasihat MBKK wanita kerana ia merupakan prosedur yang ditetapkan di dalam AKK 2001.

Modul dan Latihan

Pada tahun 2013, JKM dengan kerjasama Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya telah membangunkan “Modul Penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak”. Kandungan modul tersebut merangkumi pendedahan kepada Sistem Undang-undang di Malaysia, Tatacara Mahkamah bagi Kanak-Kanak, Akta Kanak-kanak 2001, Perintah-Perintah di Bawah AKK 2001, Etika Mahkamah, laporan-laporan yang digunakan semasa perbicaraan di MBKK, pengenalan kepada Institusi JKM dan perbicaraan olok-olok (Mock Trial) (Informan 3). Keperluan untuk memahami Akta Kanak-kanak 2001 adalah kritikal bagi penasihat MBKK kerana mereka berperanan untuk menasihati mahkamah berkaitan perintah yang boleh diberikan kepada pesalah kanak-kanak selain memahami kesan dan akibat pemakaian peruntukan tersebut kepada kanak-kanak (Farah Nini, 2007).

Kebiasaannya, latihan akan dikendalikan oleh pihak JKM dalam bentuk ceramah, perbincangan dalam kumpulan, praktikal tatacara dan etika di dalam mahkamah serta perbicaraan olok-olok (Informan 3). Namun tiada ketetapan berkaitan kekerapan latihan yang dijalankan kerana keperluan latihan adalah bergantung kepada pelaksanaannya di peringkat JKM negeri dan lantikan penasihat MBKK yang baru (Informan 3). Walau bagaimanapun,

sejak beberapa tahun kebelakangan, latihan ini tidak dapat diadakan atas faktor kekangan peruntukan kewangan. Hanya diadakan sesi taklimat ringkas ketika majlis penyerahan surat pelantikan sebagai penasihat MBKK (Informan 3).

Malah latihan yang dijalankan juga masih tidak mencukupi dan perlu dilaksanakan secara berkala terutama bagi penasihat MBKK yang baru dilantik (Informan 1, Informan 4, Informan 5, Informan 7, Informan 8 dan Informan 3). Mereka perlu diberi maklumat dan pengetahuan berkaitan sistem undang-undang di Malaysia serta isu-isu semasa berkaitan kanak-kanak bagi membolehkan mereka dapat memberi pandangan dan nasihat kepada kanak-kanak dan ibu bapa atau penjaga sebelum perintah diberikan (Informan 3).

Perkembangan undang-undang terkini seperti Akta Kanak-kanak 2001 (Pindaan 2016), Kanun Jenayah dan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 perlu dipertimbangkan bagi mengemaskini modul sedia ada. Selain itu maklumat berkaitan jenis-jenis jenayah atau isu sosial masyarakat perlu didedahkan kepada penasihat MBKK supaya mereka dapat memahami punca kanak-kanak terjebak dengan jenayah sekaligus menasihatkan mahkamah berkaitan perintah yang wajar diberikan untuk memulihkan pesalah kanak-kanak (Informan 5).

Isu, Cabaran dan Cadangan Penambahbaikan

Terdapat beberapa isu dan cabaran berkaitan pelaksanaan tugas penasihat MBKK yang telah dikenalpasti dan dirumuskan seperti yang tertera dalam Jadual 2 di bawah:

Perkara	Isu dan Cabaran
Bidang Kuasa	Tidak dapat bertindak aktif di dalam prosiding kes kerana kebiasaannya syor sudah dibuat di dalam laporan yang disediakan oleh pegawai akhlak walaupun penasihat mempunyai syor lain untuk dikemukakan.
Punca Kuasa (Struktur Governan)	Punca kuasa tidak jelas di antara KPWK dan JPM. Memberi kesan kepada peruntukan bajet latihan dan pemantauan.
Limitasi Kuasa	Kuasa setakat di dalam Mahkamah dan tidak berpeluang membuat susulan terhadap keberkesanan perintah dan nasihat yang diberikan.
Mekanisme Pelaksanaan Tugas	Tiada manual pelaksanaan tugas disediakan. Ia bergantung kepada usaha seseorang penasihat MBKK itu sendiri untuk mencari maklumat dan memahami prosedur-prosedur mahkamah yang ditetapkan. Tidak berpeluang untuk membaca fail laporan lebih awal dan hanya memperolehnya ketika hari prosiding.
Status Nasihat	Kurang pasti nasihat yang boleh diberikan kepada Majistret. Kurang memahami bentuk perintah yang sesuai terhadap kanak-kanak yang berkonflik berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada.

Bentuk Nasihat	Kurang memahami bentuk kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berkonflik.
Kriteria Lantikan	Kurang kemahiran memahami psikologi kanak-kanak dan pengalaman bekerja dengan kanak-kanak.
Pelantikan	Birokrasi (saringan dan pemilihan dilakukan JKM manakala surat lantikan dikeluarkan oleh JPM)
Status Perjawatan	Bukan jawatan tetap. Elaun bergantung kepada hari persidangan kes dan lokasi mahkamah.
Modul	Tidak mendapat pendedahan mendalam berkaitan modul terutamanya dalam memahami Akta Kanak-kanak 2001 dan undang-undang berkaitan.
Latihan	Tiada latihan yang komprehensif dan hanya taklimat ringkas ketika penyerahan surat lantikan.

Jadual 2: Isu dan Cabaran Penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak

Antara cabaran yang dihadapi oleh penasihat MBKK ialah apabila tidak dapat bertindak aktif di dalam prosiding kes kerana kebiasaannya syor sudah dibuat di dalam laporan yang disediakan oleh pegawai akhlak walaupun penasihat mempunyai syor lain untuk dikemukakan (Informan 8). Selain itu, penasihat MBKK merasakan kuasa dan peranan mereka adalah terbatas setakat di dalam Mahkamah dan tidak berpeluang membuat susulan terhadap keberkesanan perintah dan nasihat yang diberikan (Informan 5 dan Informan 8).

Selain itu, cabaran terbesar yang dihadapi oleh penasihat MBKK apabila tiada manual pelaksanaan tugas disediakan. Ini mengakibatkan sesetengah penasihat MBKK tidak memahami prosedur sebenar yang telah ditetapkan dan tidak dapat berperanan dengan baik ketika prosiding kes di MBKK (Informan 1, Informan 5, Informan 7 dan Informan 8). Ini sangat sangat bergantung kepada usaha seseorang penasihat MBKK untuk mencari maklumat dan memahami prosedur-prosedur mahkamah yang ditetapkan.

Walaupun prosedur menetapkan bahawa fail laporan perlu disediakan awal oleh pegawai akhlak untuk dibaca dan disemak oleh penasihat MBKK, namun penasihat MBKK tidak berpeluang untuk membaca fail laporan lebih awal dan dalam banyak keadaan hanya memperolehnya ketika hari prosiding (Informan 1, Informan 5, Informan 6 dan Informan 7). Ini akan membataskan kemampuan penasihat untuk memahami kes dan penasihat MBKK perlu mengambil peluang dengan mengajukan soalan-soalan ketika prosiding berjalan (Informan 1, Informan 5 dan Informan 8). Maka, ia dibimbangi akan memanjangkan tempoh masa prosiding kes di mahkamah.

Cabaran lain yang dihadapi oleh penasihat MBKK ialah apabila kurang pasti nasihat yang boleh diberikan kepada Majistret terutamanya dalam memahami bentuk perintah yang sesuai terhadap kanak-kanak yang berkonflik berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada (Informan 1, Informan 7 dan Informan 8). Selain itu, pemahaman terhadap bentuk kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang juga sangat perlu kerana jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak ini adalah pelbagai (Informan 5).

Selain itu, proses pelantikan penasihat MBKK agak rumit iaitu bermula dengan proses saringan dan pemilihan di JKM dan kemudian BHEUU, JPM akan menyemak status kebankarapan dan

seterusnya membuat pelantikan (Informan 3 dan Informan 6). Penasihat MBKK juga perlu mempunyai hubungan baik dengan pihak JKM atau MBKK (Informan 1, Informan 4, Informan 5, Informan 7 dan Informan 8) bagi mendapatkan sokongan pelantikan sebagai penasihat MBKK. Kebanyakan penasihat MBKK mempunyai pengalaman bekerja dengan JKM sama ada sebagai aktivis NGO, bekas pegawai JKM atau wakil masyarakat seperti ahli Majlis di daerah masing-masing. Namun mempunyai kemahiran memahami psikologi dan pengalaman bekerja dengan kanak-kanak perlu menjadi kriteria penting lantikan sebagai penasihat MBKK (Informan 1, Informan 4, Informan 5, Informan 7 dan Informan 8).

Selain itu, lantikan sebagai penasihat MBKK adalah bersifat sukarela dan bukan berstatus jawatan tetap serta tidak berkait dengan mana-mana skim perjawatan sedia ada. Elaun yang diberikan adalah bergantung kepada hari dan kekerapan mahkamah bersidang (Informan 1, Informan 4, Informan 5, Informan 7 dan Informan 8). Bagi MBKK yang terletak di daerah yang besar, persidangan kes lebih kerap dijalankan berbanding MBKK yang terletak di daerah kecil yang kebiasaannya bersidang sebulan sekali atau seminggu sekali (Informan 1, Informan 7 dan Informan 8).

Kebanyakan penasihat MBKK merasakan cabaran mereka dalam menjalankan tugas sebagai penasihat di mahkamah ialah apabila tidak mendapat pendedahan mendalam berkaitan modul latihan terutamanya dalam memahami Akta Kanak-kanak 2001 dan undang-undang berkaitan (Informan 1, Informan 5, Informan 7 dan Informan 8). Ini kerana kebanyakan penasihat tidak mempunyai latarbelakang undang-undang kerana ia bukan syarat utama bagi pelantikan sebagai seorang penasihat MBKK. Malah modul tersebut adakalanya tidak diberikan kepada penasihat MBKK (Informan 1). Cabaran lain yang dihadapi oleh penasihat MBKK terutamanya bagi lantikan kali pertama ialah apabila tiada latihan secara berkala diadakan melainkan taklimat ringkas ketika penyerahan surat lantikan (Informan 1, Informan 5, Informan 7 dan Informan 8).

Akhirnya, kekaburan punca kuasa di antara KPWK dan JPM dilihat akan memberi kesan kepada peruntukan bajet latihan dan pemantauan terhadap penasihat MBKK (Informan 3 dan Informan 6). Ini kerana perkataan "Menteri" yang diperuntukkan dalam seksyen 11(2) AKK 2001 tidak merujuk kepada mana-mana kementerian berkaitan. Walaupun surat lantikan dikeluarkan oleh Menteri di JPM tetapi BHEUU, JPM tidak memantau hal berkaitan penasihat MBKK (Informan 6). Namun melihat kepada borang permohonan calon Penasihat MBKK yang disediakan oleh JKM, terdapat ruangan dalam borang tersebut yang memerlukan sokongan majistret atau pegawai JKM. Maka secara tidak langsung dua pegawai ini adalah bertanggungjawab melakukan pemantauan terhadap penasihat MBKK.

Sehubungan itu beberapa penambahbaikan berkaitan isu dan cabaran yang dihadapi oleh penasihat MBKK adalah dicadangkan seperti di dalam Jadual 3:

Perkara	Cadangan Penambahbaikan Penasihat MBKK
Bidang Kuasa	Penasihat MBKK boleh mendapatkan maklumat dari sesi soal jawab ketika prosiding kes berlangsung. Berbincang dengan Majistret dan pegawai akhlak (JKM) berkaitan kes sebelum prosiding atau ketika mahkamah berehat.
Punca Kuasa (Struktur Governan)	Semakan terhadap seksyen 11(2) AKK 2001. Melakukan perbincangan di antara BHEUU, JPM dan JKM, KPWKM.
Limitasi Kuasa	Mempertimbangkan peruntukan AKK 2001 dalam kes melibatkan kanak-kanak. Penasihat MBKK boleh bertindak sebagai mediator dan melakukan mitigasi bagi kanak-kanak.
Mekanisme Pelaksanaan Tugas	Manual Kerja/Manual Pelaksanaan Tugas bagi Penasihat MBKK disediakan sebagai rujukan. Mendapatkan laporan dari pegawai akhlak lebih awal.
Status Nasihat	Walaupun nasihat yang diberikan tidak mengikat Majistret terutamanya berkaitan perintah tetapi Penasihat MBKK boleh memberikan syor beserta justifikasi yang baik.
Bentuk Nasihat	Nasihat mestilah mempertimbangkan aspek pemulihan pesalah. Nasihat kepada ibu bapa: menekankan tanggungjawab ibu bapa seperti yang diperuntukkan dalam AKK 2001.
Kriteria Lantikan	Kemahiran psikologi kanak-kanak dan pengalaman bekerja dengan kanak-kanak. Mempunyai pengetahuan asas mengenai undang-undang adalah satu kelebihan.
Pelantikan	Lantikan dicadangkan untuk dibuat di bawah JKM, KPWKM kerana saringan dan pemilihan dibuat oleh JKM, KPWKM. Terbuka juga kepada bukan pesara kerana penasihat MBKK biasanya bertugas secara bergilir. Memasukkan peruntukan seperti larangan pemuangan kerja atas alasan menjalani kewajipan atau latihan sebagai penasihat MBKK sekiranya lantikan penasihat MBKK dibuka kepada bukan pesara.
Status Perjawatan	Mempertimbangkan skim/ faedah, elaun dan pembayaran lain yang sesuai.
Modul	Modul komprehensif merangkumi teori dan praktikal (<i>mock trial/ role-play</i> dan lawatan sambil belajar). Kandungan modul mencakupi bidang undang-undang, psikologi/kaunseling, sosiologi & antropologi dan Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR)
Latihan	Secara intensif dengan menghabiskan semua silibus modul. Secara berkala dengan menghadiri siri ceramah, kolokium dan konvensyen yang berkaitan.

Jadual 3: Cadangan Penambahbaikan Penasihat Mahkamah bagi Kanak-kanak

Terdapat beberapa tindakan yang boleh dilakukan bagi mengatasi cabaran-cabaran berikut umpamanya penasihat MBKK boleh memaksimumkan penglibatan ketika perbicaraan iaitu mendapatkan maklumat dari sesi soal jawab ketika prosiding kes berlangsung. Ini kerana penasihat MBKK mempunyai ruang dan peluang bertanyakan soalan terus kepada kanak-kanak ketika prosiding kes berlangsung. Penasihat MBKK juga boleh cuba untuk berbincang dengan Majistret atau pegawai akhlak berkaitan kes sebelum prosiding atau ketika mahkamah berehat.

Walaupun seksyen 90 (18) dan seksyen 117 AKK 2001 serta seksyen 18 (1) Akta Mahkamah Keadilan 1964 menghadkan bidang kuasa dan penglibatan penasihat MBKK, mahkamah boleh mempertimbangkan penglibatan penasihat MBKK dalam kes melibatkan kanak-kanak. Ini kerana Penasihat MBKK boleh bertindak sebagai mediator dan melakukan mitigasi bagi kanak-kanak. Penasihat MBKK juga boleh memberikan syor atau nasihat beserta justifikasi yang baik dan relevan walaupun nasihat yang diberikan tidak mengikat Majistret terutamanya berkaitan perintah. Nasihat yang diberikan juga mestilah mempertimbangkan aspek pemulihan pesalah selain memberi penekanan terhadap tanggungjawab ibu bapa dan penjaga seperti yang diperuntukkan dalam AKK 2001.

Selain itu, satu Manual Kerja atau Manual Pelaksanaan Tugas bagi Penasihat MBKK perlu disediakan sebagai rujukan kepada penasihat MBKK dalam melaksanakan tugas mereka di mahkamah. Penasihat MBKK mungkin perlu bertindak proaktif dengan mendapatkan laporan dari pegawai akhlak lebih awal sebagai persediaan menjalani prosiding kes di mahkamah. Manakala dari segi kelayakan, seorang penasihat MBKK adalah digalakkan mempunyai ilmu psikologi dan pengalaman bekerja dengan kanak-kanak. Mempunyai pengetahuan asas mengenai undang-undang juga merupakan satu kelebihan buat penasihat MBKK.

Oleh kerana proses lantikan penasihat MBKK melalui proses yang agak panjang dan rumit, maka dicadangkan agar lantikan dibuat terus di bawah JKM, KPWK kerana praktis sedia ada JKM, KPWK adalah pihak yang membuat saringan dan pemilihan tersebut. Bagi tujuan tersebut semakan terhadap seksyen 11(2) AKK 2001 perlu dibuat dengan melakukan perbincangan di antara BHEUU, JPM dan JKM, KPWK. Permohonan sebagai penasihat MBKK juga mungkin boleh dibuka kepada bukan pesara kerana kebiasaannya penasihat MBKK bertugas secara bergilir dan mengikut jadual yang disediakan oleh pihak Mahkamah. Namun peruntukan berkaitan larangan penguasaan kerja atas alasan menjalani kewajipan atau latihan sebagai penasihat MBKK perlu dimasukkan di dalam kerangka perundangan.

Walaupun, lantikan penasihat MBKK tidak tertakluk kepada mana-mana skim perjawatan dan bertaraf sukarela, pihak terlibat mungkin boleh mempertimbangkan skim atau faedah, elaun dan pembayaran lain yang sesuai. Akhirnya, bagi mengatasi masalah kompetensi penasihat MBKK, penasihat MBKK perlu menjalani latihan secara intensif dan berkala serta dibekalkan dan didedahkan dengan modul yang komprehensif merangkumi aspek teori dan praktikal.

Penutup

Peruntukan berkaitan penasihat MBKK telah wujud sejak 1947 hingga kini. Ini menunjukkan peranan penasihat MBKK masih relevan dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Malaysia selain turut berperanan melindungi kanak-kanak di dalam mahkamah. Beberapa penambahbaikan perlu dilakukan antaranya dengan menambahbaik kerangka perundangan sedia ada berkaitan penasihat MBKK iaitu merangkumi aspek bidang kuasa, punca kuasa,

struktur governan, limitasi kuasa, status nasihat, bentuk nasihat, mekanisme pelaksanaan tugas, kriteria lantikan, pelantikan, status perjawatan, modul dan latihan.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar meminda peruntukan perundangan sedia ada iaitu seksyen 11 Akta Kanak-kanak 2001 atau menambah satu bahagian berkaitan penasihat MBKK seperti pelantikan pelindung yang dinyatakan di dalam Bahagian III Akta Kanak-kanak 2001 atau mewujudkan satu undang-undang kecil, peraturan atau garis panduan berkaitan penasihat MBKK seperti Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017, Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pasukan Pelindungan Kanak-kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak) 2017 atau Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang yang Layak dan Sesuai) 2009.

Sementara itu, manual kerja atau manual pelaksanaan tugas bagi penasihat MBKK perlu disediakan agar dapat dijadikan panduan kepada penasihat Mahkamah dalam menjalankan tugas di MBKK. Manual ini antaranya mestilah menerangkan mekanisme pelaksanaan tugas penasihat MBKK, prosedur-prosedur mahkamah dan bentuk nasihat yang boleh diberikan kepada Majistret, kanak-kanak, ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut. Modul latihan sedia ada juga perlu ditambahbaik dengan menekankan aspek teori mencakupi bidang undang-undang, psikologi/kaunseling, sosiologi dan antropologi dan penyelesaian pertikaian alternative (ADR) seperti mediasi serta aspek praktikal seperti pelaksanaan *mock trial*, *role-play* dan lawatan sambil belajar ke institusi-institusi pemulihan, rumah perlindungan kanak-kanak dan sebagainya.

Penasihat MBKK juga perlu menjalani latihan secara intensif dengan menyempurnakan silibus yang terkandung di dalam modul tersebut. Malah mereka perlu menghadiri latihan secara berkala seperti menghadiri siri ceramah, kolokium dan konvensyen yang berkaitan. Ini bagi membolehkan penasihat MBKK berfungsi dengan lebih berkesan dan menambah wibawa serta meningkatkan professionalism mereka sekaligus memastikan kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang itu dapat diadili, dipulihkan dan diberikan perlindungan yang sewajarnya.

Penghargaan

Artikel ini adalah salah satu hasil dari penyelidikan yang sedang dijalankan oleh penyelidik di bawah dana Geran Penyelidikan Sekunder (GPS) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 2019/P/GPIK-27/GPS/01.

Rujukan

- Aminuddin Mustaffa. 2016. Diversion under Malaysian Juvenile Justice System: a Case of Too Little Too Late? *Asian Criminology*. Jil 11: 135-151.
- Anita Abdul Rahim. 2008. Isu Perundangan Mengenai Hukuman Jenayah Bunuh oleh Kanak-kanak di Malaysia. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 12:1-12.
- Arunadha Saibaba. 2012. Juvenile Justice: Critically Juxtaposing The Models In India And Singapore. *Working Paper Series No.028*. Singapore: Asia Law Institute.
- Farah Nini Dasuki. 2007. Perkembangan Mahkamah bagi Kanak-kanak di Malaysia, Pentadbiran Keadilan-Artikel Terpilih. Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia. Bil 3, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Informan 1. *Kerangka Penambahbaikan Penasihat Mahkamah Dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak Di Malaysia*. Mahkamah Selayang, Selangor. Temubual 9 Mac 2020

- Informan 3. *Kerangka Penambahbaikan Penasihat Mahkamah Dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak Di Malaysia*. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga. Temubual 8 September 2020.
- Informan 4. *Kerangka Penambahbaikan Penasihat Mahkamah Dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak Di Malaysia*. Mahkamah bagi Kanak-kanak, Petaling Jaya, Selangor. Temubual 21 September 2020.
- Informan 5. *Kerangka Penambahbaikan Penasihat Mahkamah Dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak Di Malaysia*. Mahkamah bagi Kanak-kanak, Kuala Lumpur. Temubual 21 September 2020.
- Informan 6. *Kerangka Penambahbaikan Penasihat Mahkamah Dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak Di Malaysia*. Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri. Temubual 30 September 2020.
- Informan 7. *Kerangka Penambahbaikan Penasihat Mahkamah Dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak Di Malaysia*. Mahkamah bagi Kanak-kanak, Pekan, Pahang. Temubual 27 Oktober 2020.
- Informan 8. *Kerangka Penambahbaikan Penasihat Mahkamah Dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak Di Malaysia*. Mahkamah bagi Kanak-kanak, Cameron Highland, Pahang. Temubual 27 Oktober 2020.
- Mimi KamariahMajid. Akta Kanak-kanak 2001: Cadangan Pindaan Undang-undang Berkenaan Gejala Sosial dalam buku Siri Undang-undang Mimi Kamariah Akta Kanak-kanak 2001. 2002. Siti Zaharah Jamaluddin, Norchaya Talib & Jal Zabdi Mohd Yusoff. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mohd Al-Adib Samuri & Noor Aziah Mohd Awal. 2009. Hukuman Terhadap Pesalah Kanak-kanak di Malaysia: Pencegahan atau Pemulihan. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*. 13: 35-54
- Mohd Al-Adib Samuri & Noor Aziah Mohd Awal. 2014. Berkeras Patah Berlembut Lentur Perintah bagi Pesalah Kanak-kanak. Penerbit UKM. Bangi.
- Muhammad Ramzee Abdul Razak. The Juvenile Justice System In Malaysia. 164th International Training Course.
- Nur Ezaitie Nabihah Md Eusofe & Jal Zabdi Mohd Yusoff. Mahkamah bagi Kanak-kanak di Malaysia Ke Arah Perintah Berasaskan Pengadilan Restoratif. 2020. Dalam buku Keadilan Restoratif bagi Kanak-kanak di Malaysia Perspektif Undang-undang dan Kerja Sosial. Jal Zabdi Mohd Yusoff et al. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Sarirah Che Rose. 2011. Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-kanak di Mahkamah Tinggi. *Voice of Academia*. 109-124.
- UNICEF Report. The Malaysian Juvenile Justice: A Study on Mechanisms for Handling Children in Conflict with the Law. 2013.
- Wafa Yusof. Kedudukan Kanak-Kanak Yang Berkonflik Dengan Undang-undang dan Perundangan Jenayah Di Malaysia.
- Yusramizza Md Isa & Anis Shuhaiza Md Salleh. 2007. Kewajaran Mahkamah bagi Kanak-kanak di Malaysia. *Journal of Ethics, Legal and Governance (REKAYASA)*, 3: 61-67.

Dokumen Perundangan/Statut

Akta Kanak-kanak 2001

Akta Mahkamah Juvana 1947

Akta Mahkamah Keadilan 1964

Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 1 Tahun 2015 berkaitan Arahan Pentadbiran Berkenaan Pengendalian Kes-kes Jenayah Jalanan Secara 'Fast-Track' di Mahkamah Rendah Malaya.

Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang yang Layak dan Sesuai) 2009

Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pasukan Pelindungan Kanak-kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak) 2017

Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017

Konvensyen Antarabangsa

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (KHKK)